

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas mata pelajaran Bahasa Melayu 2 mengandungi 4 soalan.

- Soalan 1 - Menguji kefahaman calon tentang rumusan.
- Soalan 2 - Menguji pengetahuan bahasa dan kemahiran tatabahasa.
- Soalan 3 - Terbahagi kepada 4 pecahan yang menguji kefahaman calon berdasarkan petikan umum, petikan cerpen/drama, prosa klasik dan puisi
- Soalan 4 - Berdasarkan novel. Soalan 3(b), 3(c), 3(d) dan kesemua soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5. Jawapan calon boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.

Calon wajib menjawab kesemua soalan dalam masa 2 1/2 jam.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Prestasi calon pada keseluruhannya pada tahap baik. Calon-calun dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik. Jawapan-jawapan calon memenuhi kehendak atau tugas soalan. Penguasaan sistem ejaan pada umumnya baik. Penguasaan aspek tatabahasa dan pembinaan ayat juga adalah pada tahap memuaskan. Calon-calun juga dapat menguasai aspek-aspek komponen sastera dengan baik. Penyampaian jawapan calon menunjukkan kematangan, isi yang jelas mengikut kehendak soalan.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Jawapan jitu dan menepati kehendak soalan. Calon menghuraikan jawapan dengan terperinci, jelas dan bernas. Jawapan mudah difahami kerana penyampaiannya lancar dan gramatis serta sangat kurang kesalahan bahasa.

**Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Jawapan masih memenuhi kehendak soalan tetapi kurang terperinci dan tidak lengkap. Penyampaian masih baik tetapi terdapat beberapa kesalahan dari segi tatabahasa.

**Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Calon hanya menjawab beberapa soalan. Jawapan pula tidak tepat atau samar-samar serta bercampur-aduk. Terdapat jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Penyampaian kurang lancar dan kurang tersusun. Tulisan sukar dibaca dan terdapat kesalahan ejaan dan tatabahasa. Ini menyebabkan kesukaran untuk memahami maksud jawapan yang ditulis.

## PRESTASI TERPERINCI

### Soalan 1 Rumusan

Calon yang cemerlang dapat mengemukakan isi yang lengkap dan tepat selari dengan tugas soal. Jumlah isi tersurat dan isi tersirat yang dikemukakan mencukupi dan dalam lingkungan 120 patah perkataan. Bahasa yang digunakan lancar dan gramatis serta ejaan sentiasa terpelihara. Jawapan yang dipersembahkan dalam rangka yang lengkap iaitu mengandungi pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat dan penutup. Isi tersurat dan isi tersirat yang diberi selari dengan tugas soal.

Calon yang lemah sering mengemukakan satu elemen sahaja dalam pendahuluan. Elemen kedua dalam pendahuluan tidak tepat. Elemen kedua setara dengan elemen pertama. Permulaan rumusan diringkaskan daripada ayat pertama petikan. Tiada pendahuluan dalam rumusan. Calon tidak memahami kehendak soal menyebabkan calon menyalin ayat-ayat dalam petikan yang tidak membawa sebarang isi.

#### *Contoh Kelemahan Pendahuluan:*

*Petikan membincangkan kepentingan pelabelan makanan. Petikan membincangkan kepentingan pelabelan makanan dan huraiannya. Petikan membincangkan pelabelan makanan dan kesan-kesannya. Pelabelan makanan ialah keterangan tentang kandungan nutrien pada label makanan. Pelabelan makanan menggalakkan penggunaan prinsip makanan dalam pemilihan makanan. Pelabelan makanan dapat menolong aktiviti makanan. Pelabelan makanan memberitahu makanan yang diperkaya dengan jumlah nutrien. Pelabelan makanan dapat membantu suri rumah menyediakan sajian. Pelabelan diwajibkan pada makanan yang produknya kerap digunakan, jumlah kuantiti yang dimakan dan pentingnya produk makanan tersebut. Semua pihak mestilah mengambil manfaat daripada pelabelan makanan.*

Isi tersurat yang dikemukakan tidak tepat. Terdapat kelemahan dalam pembinaan ayat. Calon menyambung ayat-ayat dalam petikan hingga maksud isi kurang jelas. Ayat yang ditulis tidak lengkap untuk menyampaikan isi tersurat sepenuhnya. Jawapan calon kebanyakan menyentuh kriteria makanan yang diwajibkan pelabelan dan bukan kepentingan pelabelan.

Calon tidak mahir membina isi tersirat daripada isi tersurat. Oleh itu isi tersirat yang dikemukakan tidak berkaitan dengan soal rumusan. Calon mengemukakan cadangan-cadangan sebagai isi tersirat. Jawapan isi tersirat tidak tepat. Terdapat ramai calon yang langsung tidak menulis isi tersirat.

Kesimpulan yang dikemukakan hanya mengandungi satu elemen iaitu *cadangan*. Calon menulis kesimpulan yang tidak berkaitan dengan fokus rumusan. Terdapat kesimpulan yang berbentuk umum. Calon kerap menyalin sebahagian isi tersurat sebagai kesimpulan. Sebilangan kecil calon tidak menulis sebarang kesimpulan. Calon memberi kesimpulan selepas bilangan perkataan dalam rumusan melebihi 120 patah perkataan.

### Contoh Kelemahan Kesimpulan:

*Kesimpulannya pihak kerajaan perlu mengambil tindakan kepada pengeluar-pengeluar makanan supaya ekonomi negara terus berkembang. Langkah-langkah kerajaan hendaklah mendapat sokongan semua pihak. Kesimpulannya pelabelan makanan haruslah dilaksanakan bagi melahirkan rakyat yang sihat. Kesimpulannya pelabelan makanan amat penting kepada pengguna supaya pengguna dapat membuat pilihan yang bijak*

Jawapan yang sepatutnya diberi oleh calon adalah seperti berikut:

### Pendahuluan/Pengenalan (2 markah)

Petikan membincangkan isu pelabelan makanan dan kepentingannya kepada pengguna **atau** Petikan membincangkan kepentingan pelabelan makanan dan kaedah pelaksanaannya/cara pelaksanaannya/melakukannya **atau** Petikan membincangkan faedah/kelebihan/kebaikan/manfaat pelabelan makanan.

### Isi Tersurat (4-12 Markah)

Pelabelan makanan memberikan keterangan tentang kandungan nutrien setiap makanan yang dikeluarkan. Pelabelan membantu pengguna membuat pilihan yang lebih bijak tentang makanan yang hendak dibeli dan memberitahu pengguna tentang kualiti makanan. Pelabelan dapat memajukan industri makanan, serta menyokong aktiviti pendidikan permakanan. Dengan adanya pelabelan makanan, membantu suri rumah menyediakan sajian yang bermutu dan seimbang untuk keluarga. Pengeluar atau peruncit makanan dapat mengutamakan kandungan zat makanan dalam setiap produk yang dikeluarkan. Pelabelan juga menggalakkan pengguna membeli makanan yang berkhasiat/sesuai dengan keperluan mereka.

### Isi Tersirat (4-12 Markah)

Pelabelan makanan membolehkan pengguna dapat memilih makanan berasaskan budaya atau pegangan agama. Pengguna dapat merancang, mengawal, menjaga kesihatan atau diet. Pelabelan dapat melahirkan masyarakat pengguna yang prihatin. Pelabelan juga dapat membina keluarga yang sihat. Melahirkan pengeluar, peruncit dan peniaga makanan yang lebih bertanggungjawab. Pelabelan makanan dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat atau rakyat yang sihat, kuat dan pintar. Dapat mencegah penyakit. Pelabelan memberikan maklumat tentang nilai kalori dan kandungan zat. Pengguna dapat memilih makanan berkualiti.

### Kesimpulan/Penutup (2 Markah)

Pelabelan makanan memberikan maklumat yang banyak kepada pengguna supaya mereka boleh menjadi pengguna yang bijaksana **atau** jenis makanan yang dilabel perlu diperbanyak supaya para pengguna tidak tertipu.

### Soalan 2 Pengetahuan Bahasa dan Kemahiran Tatabahasa

Untuk soalan **membina ayat**, calon tahu maksud perkataan yang diuji dan dapat membina ayat dengan betul. Ayat yang dibina lengkap dan tatabahasa terpelihara. Ayat tersebut mengandungi subjek dan predikat. Tanda bacaan dan ejaan betul penggunaannya serta jelas maksudnya dan munasabah atau logik.

Calon dapat mengenal pasti penggunaan kata dan istilah yang tepat atau silap dalam sesuatu ayat yang diberi dalam soalan yang menghendaki calon **membetulkan kata atau istilah yang tidak sesuai**. Calon dapat mengesan kesilapan kata atau istilah yang tidak sesuai dalam ayat yang diberi dan dapat menggantikannya dengan kata atau istilah yang betul atau tepat. Calon dapat memahami arahan dan tugas soalan.

Untuk soalan yang berkaitan **tatabahasa dan ejaan**, calon dapat mengenal pasti ejaan kata pinjaman, kata majmuk yang salah dieja dan dapat membetulkannya. Calon juga dapat mengenal pasti kesilapan tatabahasa dan dapat menulis semula ayat yang diuji seperti dalam arahan soalan. Calon dapat menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif dengan menggunakan prinsip-prinsip penukaran yang betul bagi menjawab soalan **menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif**. Maksud ayat masih kekal walaupun setelah dipasifkan. Ejaan dan tanda bacaan juga betul.

### Soalan 2 (a) Membina ayat

Kelemahan calon yang ketara adalah melakukan kesalahan penggunaan kata penyambut selepas kata kerja transitif. Terdapat calon yang membuat ayat yang tidak logik maksudnya. Calon salah memberikan makna atau maksud perkataan yang diuji.

#### Contoh Kelemahan:

- *Kapal itu telah melayarkan layarnya apabila angin kencang bertiup.*
- *Ibu melayurkan sayur yang dibelinya di pasar dengan menyiram air panas ke atasnya.*
- *Mereka berdua mengehakkan suara mereka sekuat-kuatnya setelah melihat kisah lucu itu.*

Jawapan yang sepatutnya setiap ayat yang dibina perlu berdasarkan maksud perkataan yang diuji seperti berikut:

<b>Melayarkan</b>	membuat supaya belayar, menjalankan kapal/perahu/membawa belayar.
<b>Melayurkan</b>	mendiang, mengganggu untuk memanaskan/mengeringkan/memanggang/menyalai.
<b>Mengehadkan</b>	menentukan hadnya (banyaknya, luasnya, perenggannya), membatasi
<b>Mengehakkan</b>	memberi hak kepada/menentukan hak atas.

### Soalan 2 (b) Mengganti kata atau istilah

Dalam soalan ini kelemahan calon ialah tidak dapat mengenal pasti penggunaan kata atau istilah yang tidak sesuai. Istilah atau kata yang dipilih tidak sesuai.

#### Contoh Kelemahan:

- *Ramai orang yang menyuruh pihak berkuasa tempatan mengadakan kempen "Cintailah Sungai Kita".*
- *Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar itu mendapat perhatian daripada pengikut seminar.*

Perkataan yang salah dan sepatutnya diganti adalah seperti berikut:

- Banyak orang yang menyuruh (**menggesa/mendesak**) pihak berkuasa setempat (**tempatan**) mengadakan kempen "Cintailah Sungai Kita".
- Lembaran (**kertas**) kerja yang dibentangkan dalam seminar itu mendapat perhatian daripada pengikut (**peserta**) seminar.

## Soalan 2 (c) Mengenal pasti kesalahan tatabahasa

Dalam soalan ini kelemahan calon yang sering ditemui ialah kesalahan ejaan kata pinjaman, kesalahan ejaan kata majmuk yang sepatunya dipisahkan. Calon juga tidak dapat mengenal pasti kesalahan tatabahasa.

### Contoh Kelemahan:

- Pihak media masa seharusnya menyekat pengaruh budaya asing menerusi rancangan yang disiarkan untuk memelihara jati diri bangsa Malaysia.
- Pihak media massa seharusnya menyekat pengaruh budaya asing menerusi rancangan yang disiarkan untuk memelihara jatidiri bangsa Malaysia.

Jawapan calon sepatutnya menggantikan perkataan yang salah dari aspek tatabahasa seperti berikut:

Pihak media masa (*massa*) seharusnya menyekat pengaruh budaya asing meneruskan (*menerusi*) rancangan yang disiarkan untuk memelihara jatidiri (*jati diri*) bangsa Malaysia.

Berbagai (*berbagai-bagai/pelbagai*) langkah telah dijalankan untuk meningkatkan taraf kehidupan (*hidup*) kaum nelayan supaya dia (*mereka*) dapat menikmati hidup yang selesa.

## Soalan 2 (d) Menukarkan ayat

Dalam soalan ini calon masih menggunakan kata kerja aktif walaupun ayat itu disongsangkan. Kata ganti diri kedua 'anda' dalam ayat pasif masih menerima imbuhan pasif "di". **Contoh Kelemahan:**

- Untuk ke Pulau Pinang mereka menaiki bas itu.
- Buku saya telah dipinjam oleh anda pada minggu lepas.

Ayat-ayat pasif yang dibentuk sepatutnya adalah seperti berikut:

Bas itu dinaiki oleh mereka untuk ke Pulau Pinang.  
Untuk ke Pulau Pinang bas itu dinaiki oleh mereka.  
Dinaiki oleh mereka bas itu ke Pulau Pinang.

Pelbagai barang runcit dijual oleh peniaga itu di kedainya.  
Di kedainya pelbagai barang runcit dijual oleh peniaga itu.  
Dijual oleh peniaga itu pelbagai barang runcit di kedainya.

Buku saya telah anda pinjam pada minggu lepas.  
Pada minggu lepas buku saya telah anda pinjam.  
Telah anda pinjam buku saya pada minggu lepas.

## Soalan 3 (a) Petikan Umum

Calon dapat memahami dan menghayati teks umum yang diberi. Keadaan ini membolehkan calon menjawab soalan-soalan pemahaman yang dikemukakan dengan tepat dan lengkap. Isi-isi yang diberi mencukupi dan tepat. Penyampaiannya lancar dengan bahasa yang baik. Ejaan, tatabahasa dan tanda bacaan sentiasa terpelihara. Keseluruhannya, calon mengemukakan jawapan dengan ayat yang lengkap dan sempurna tatabahasanya. Calon juga dapat menjawab soalan KBKK yang diberi dengan baik dan bernas sesuai dengan kehendak soalan.

Untuk jawapan 3a(i), terdapat kelemahan calon yang memberi jawapan tidak tepat dan tidak merujuk kepada petikan. Calon tidak menggunakan ayat yang lengkap dan menjawab dalam bentuk fakta ringkas. Isi jawapan tidak lengkap kerana menjawab sebahagian jawapan. Masih terdapat calon yang melakukan kesilapan bahasa dan ejaan.

**Contoh Kelemahan :**

*Ciri-ciri remaja yang berdaya usaha ialah memperolehi ilmu daripada buku-buku rujukan, membaca banyak majalah dan akhbar dan memperbanyakkan ulangkaji pelajaran.*

- bertanggungjawab
- berdikari
- mementingkan masa

*Ciri-ciri remaja yang berdaya usaha adalah tidak akan membiarkan dirinya diperintah, diarah untuk belajar.*

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

Ciri-ciri remaja yang berdaya usaha ialah tidak membiarkan dirinya diperintah/diarah/dipaksa belajar, mengamalkan sikap bertanggungjawab, mengamalkan sikap berdikari, memberikan tugas/tanggungjawab kepada diri sendiri, mementingkan/menghargai masa/proaktif dan ghairah untuk melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu. **(Pilih mana-mana tiga jawapan)**

Kelamahan calon dalam soalan 3a(ii), calon tidak dapat memberi maksud perkataan dengan tepat. **Contoh Kelemahan :**

- masa lapang
- masa terluang

Sepatutnya calon memberi maksud masa senggang dengan jawapan berikut:

Maksudnya ialah waktu/ketika terluang/waktu/ketika lapang/rehat/lega/tidak sibuk.

Dalam soalan 3a(iii) antara kelemahan yang sering ditemui adalah kecenderongan calon menjawab soalan KBKK dengan mengemukakan isi dalam petikan. Terdapat calon yang memberi jawapan yang ringkas tanpa penjelasan. Sebilangan kecil calon masih melakukan kesilapan tatabahasa dan ejaan. **Contoh Kelemahan:**

- *mengulangkaji pelajaran dan membuat kerja yang berfaedah.*
- *dia akan berasa ghairah untuk melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu. Dengan itu, jelaslah bahawa remaja yang berinisiatif merupakan remaja yang proaktif dan menghargai masa.*
- *remaja perlu menghargai masa kerana remaja seperti ini tidak akan membiarkan masa berlalu tanpa diisi dengan aktiviti yang berfaedah.*
- *supaya memanfaatkan masa dan berdisiplin.*
- *kerana kita tidak boleh buang masa sebab masa ibarat masa yang mahal harganya sebab itulah kita tidak boleh membuang dengan tidak berfaedah.*

Antara contoh jawapan yang boleh dikemukakan adalah seperti berikut:

Saya perlu menghargai masa supaya kehidupan lebih teratur, tidak terjebak dalam gejala sosial, memanfaatkan usia remaja yang datang sekali seumur hidup/melakukan kerja yang berfaedah/ulangkaji/memajukan diri/masa tidak berulang, untuk menjadi warganegara yang berguna, untuk mencapai cita-cita/wawasan masa depan/buat persiapan masa depan, memenuhi tuntutan agama, menjadi remaja lebih berdisiplin. **(Pilih mana-mana tiga jawapan)**

### Soalan 3 (b) Petikan Prosa Moden

Calon dapat memahami dan menghayati teks sastera moden yang diberi. Keadaan ini membolehkan calon menjawab soalan-soalan pemahaman dengan mengemukakan isi yang tepat, mencukupi dan lengkap. Penyampaian jawapan adalah lancar dengan bahasa yang baik. Ejaan, tatabahasa dan tanda baca sentiasa terpelihara. Keseluruhannya, calon mengemukakan jawapan dengan ayat yang lengkap dan sempurna tatabahasanya. Soalan yang berkaitan dengan komponen sastera juga dapat dikuasai dengan baik. Jawapan yang diberi tepat, mencukupi dan lengkap sesuai dengan kehendak soalan.

Kelemahan yang dikesan dapat dilihat dalam setiap soalan. Misalnya dalam soalan 3b(i), Calon tidak dapat memberi isi jawapan dengan tepat dan terdapat jawapan calon yang tidak jelas. Calon menjawab dalam bentuk ayat yang tidak sempurna. **Contoh Kelemahan:**

*Sikap Muliati selepas berlaku kemalangan terbayang keadaan darah berlumuran Muliati tidak seperti dulu lagi. Sikap Muliati berubah menjadi seorang yang pendiam. Perubahan sikap Muliati selepas berlaku kemalangan menjadi seorang yang pendiam dan selalu menyisihkan diri daripada kawan-kawan. Perubahan sikap Muliati selepas berlaku kemalangan ialah:*

*menyisihkan diri  
pendiam  
malu*

Jawapan yang sepatutnya diberi adalah seperti berikut:

Selepas berlaku kemalangan sikap Muliati menjadi sensitif/mudah tersentuh, pemalu, pendiam/sedih, malas/tidak lagi ringan tulang, menyendiri/menyisihkan diri, hampir hilang pertimbangan/iman, tidak lincah lagi/tidak aktif/hilang semangat, tidak ada kepastian tentang masa depan. **(Pilih mana-mana tiga jawapan)**

Dalam soalan 3b(ii), kelemahan calon ialah tidak dapat mengemukakan isi jawapan yang dikehendaki dan jawapan tidak jelas. Ada isi jawapan yang tidak lengkap dan tidak tepat. Calon mengemukakan ayat-ayat yang tidak sempurna. **Contoh Kelemahan :**

*Walau apa pun terjadi, kita mestilah tabah menghadapi segala ujian. Berjumpa dengan Muliati. Membantu Muliati dalam semua aspek. Saya akan menasihati Muliati melupakan apa yang telah berlaku. Memberi nasihat agar tabah menghadapi cabaran hidup. Memberi nasihat kepadanya. . Saya akan memberi semangat kepada Muliati. Jika saya sahabat Muliati yang dapat saya lakukan untuk membantunya ialah memberi nasihat agar Muliati tabah dan sabar, menasihati Muliati supaya meneruskan perjuangan.*

Contoh jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

Sekiranya saya sahabat Muliati saya akan menasihati, meminta dia bersabar, reda terhadap apa yang telah berlaku serta memberi semangat atau dorongan. Selain itu saya akan membantu dan menolong pergerakannya. Di samping itu saya akan menemani, mendampinginya selalu, berbual-bual dengannya serta menggembirakannya. Saya juga akan membimbingnya mendekati dan menghayati ajaran agama. **(Pilih mana-mana tiga jawapan)**

Kelemahan Jawapan calon dalam soalan 3b(iii) ialah jawapan yang tidak menepati kehendak soalan dan tidak jelas. Calon mengemukakan sifat watak atau perwatakan tanpa huraian. Calon menyatakan persoalan dalam bentuk sinopsis atau urutan peristiwa. **Contoh Kelemahan:**

*Satu pengajaran dari cerpen di atas adalah Muliati berfikir ketentuan hidupnya. Tiga pengajaran dari cerpen adalah Muliati tetap tabah terhadap apa yang menimpa dirinya. Ia bersyukur kerana dapat meneruskan kehidupan walaupun cacat. Muliati tetap tabah meneruskan kehidupannya dengan tenang.*

*Seorang gadis kecil molek yang lincah, berhati mulia, semangat perjuangan yang kuat tiba-tiba hilang kesemua serinya akibat bencana yang tidak diingini berlaku ke atas dirinya.*

*Pengajaran berdasarkan cerpen di atas ialah sifat sabar. Muliati seorang pelajar yang pandai di dalam kelasnya. Dia tabah menghadapi ujian Tuhan. Suka menolong. Seorang pelajar yang aktif dulunya telah menjadi cacat. Suka menolong cikgu. Aktif dalam sukan sekolah. Lincah.*

Calon boleh mengemukakan jawapan seperti berikut:

Pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen ini ialah kita hendaklah tabah, sabar, reda serta tidak putus asa ketika ditimpa kesusahan atau kemalangan. Di samping itu kita janganlah cemburu atau iri hati akan kejayaan orang lain.

Pengajaran dalam cerpen ini ialah sebagai isteri perlulah mentaati arahan suami. Kita hendaklah berusaha gigih dalam pelajaran. Kita hendaklah mengenang jasa atau budi seseorang guru. Di samping itu kita hendaklah menolong serta membantu orang cacat. Kita juga hendaklah menghargai kasih sayang. Selain itu kita hendaklah berhati-hati dalam melakukan sesuatu

### **Soalan 3 (c) Petikan Prosa Klasik**

Calon dapat memahami dan menghayati teks sastera klasik yang diberi. Keadaan ini membolehkan calon menjawab soalan-soalan pemahaman dengan tepat dan lengkap menggunakan bahasa moden. Calon dapat memberi isi-isi yang mencukupi dan tepat. Penyampaian jawapan adalah lancar dan kemas dengan bahasa yang baik. Ejaan, tatabahasa dan tanda bacaan sentiasa terpelihara. Keseluruhannya, calon mengemukakan jawapan dengan ayat yang lengkap. Soalan yang berkaitan dengan KBKK juga dapat dikuasai dengan baik. Jawapan yang diberi adalah tepat, mencukupi dan lengkap sesuai dengan kehendak soalan.

Kelemahan calon dalam soalan 3c(i) ialah calon memberi jawapan yang tidak lengkap dan tidak tepat. Calon hanya menyalin ayat dalam teks sebagai jawapan. Jawapan calon tidak menunjukkan pemahaman teks. **Contoh Kelemahan:**

*Tindakan Laksamana selepas anak Encik Pung dilahirkan ialah disorokkan bayi tersebut, melarikan anak Encik Pung dan mencari orang yang boleh menyusui bayi itu.*  
*Tindakan Laksamana selepas anak Encik Pung dilahirkan ialah menyorokkan anak itu, melarikannya, mencari orang yang boleh menyusui bayi itu dan melepaskan anak itu keluar Negeri Johor.*

Sepatutnya calon mengemukakan jawapan seperti berikut:

Tindakan-tindakan Laksamana selepas anak Encik Pung dilahirkan ialah mencari orang yang boleh menyusui anak itu, mencari orang yang boleh menyimpan rahsia. Selain itu berusaha membawa anak itu keluar dari Negeri Johor. Laksamana juga pergi ke Selat Singapura untuk menemui Raja Negara Selat dan meminta Raja Negara menghantar anak itu kepada Temenggung Muar bersama – sama surat. **(Terima mana-mana empat jawapan)**

Kelemahan jawapan calon dalam soalan 3c(ii) ialah tidak menjawab kehendak soalan . Pendapat yang dikemukakan tidak berdasarkan teks. Jawapan terlalu ringkas dan tidak sesuai. Pendapat calon tidak menunjukkan pemahaman teks. Terdapat jawapan calon yang tidak logik. **Contoh Kelemahan berdasarkan jawapan tidak wajar:**

- *Tindakan Laksamana ialah melarikan anak Encik Pung kerana takut akan sumpahan Bendahara.*
- *Laksamana melarikan anak Encik Pung ke Selat Singapura untuk memberikannya kepada Raja Negara Selat.*
- *Tidak wajar kerana anak itu kurniaan Tuhan. Encik Pung haruslah bersyukur dengan setiap kurniaan Tuhan.*
- Untuk jawapan wajar contoh kelemahan yang diberi oleh calon adalah seperti berikut:
- *Encik Pung wajar menyerahkan anaknya kerana anak tersebut memerlukan kasih sayang seorang ayah yang sebenar.*
- *Laksamana wajar mengambil anak itu kerana anak itu boleh belajar ilmu baru dan menimba ilmu baru dan menimba pengalaman yang berguna di tempat orang.*

Sepatutnya untuk jawapan wajar, calon boleh mengemukakan jawapan seperti berikut:

Encik Pung wajar menyerahkan anaknya kepada Laksamana demi keselamatan anaknya dan Laksamana orang yang boleh dipercayai/sahabat Encik Pung. Encik Pung juga yakin masa depan anaknya lebih baik jika dipelihara oleh orang lain. Di samping itu anaknya berpeluang menjadi Raja atau menuntut haknya. **(Pilih mana-mana dua jawapan)**

**atau**

Encik Pung tidak wajar menyerahkan anaknya kepada Laksamana kerana anak itu akan kehilangan kasih sayang keluarga kandung. Selain itu masa depan anak itu belum tentu terjamin jika dipelihara oleh orang lain. Encik Pung pentingkan diri sendiri/menyusahkan orang lain kerana terpaksa memelihara anaknya. Di samping itu anak itu tidak akan mengenali ibunya dan anak itu tidak tahu asal-usul keturunannya. **(Pilih mana-mana dua jawapan)**

### Soalan 3 (d) Petikan Puisi

Calon dapat memahami dan menghayati teks puisi moden/sajak yang diberi dengan baik. Keadaan ini membolehkan calon menjawab soalan-soalan pemahaman dengan tepat dan dapat memberi isi-isi yang mencukupi dan bernas. Penyampaian jawapan sempurna dengan bahasa yang baik. Ejaan, tatabahasa dan tanda bacaan sentiasa terpelihara. Keseluruhannya, calon mengemukakan jawapan dengan ayat yang lengkap dan sempurna. Soalan yang berkaitan dengan KBKK juga dapat dikuasai dengan baik. Jawapan yang diberi tepat, mencukupi dan sesuai dengan tugas soal. Calon juga dapat menguasai soalan berkaitan komponen sastera dengan baik. Jawapan yang diberi tepat, mencukupi dan lengkap sesuai dengan keperluan komponen sastera.

Kelemahan calon dapat dilihat dalam setiap soalan. Misalnya, dalam soalan 3d(i), calon tidak menjawab dengan lengkap. Calon menjawab menggunakan fakta ringkas. Terdapat sebilangan kecil calon melukis gambar gunting, bangku, cermin sompek, dan sikat sebagai jawapan. **Contoh Kelemahan:**

- *cermin*
- *bangku*
- *sikat*
- *cermin yang sompek*
- *sikat yang rongak*

Calon boleh mengemukakan jawapan seperti berikut:

Peralatan yang digunakan oleh tukang gunting ialah sebilah gunting, cermin sompek/sudah pecah, sikat yang hilang/tertanggal bilah-bilahnya/sisir rongak dan bangku berkaki tiga.

Untuk soalan 3d(ii), kelemahan calon ialah tidak menjawab dengan tepat. Calon tidak memahami kehendak soalan. **Contoh Kelemahan:**

- *Usaha-usaha yang akan saya lakukan untuk meningkatkan kerjaya saya ialah berusaha atau bekerja bersungguh.*
- *Sebagai pemandu lori*
- *Kerja sambilan*

Calon boleh mengemukakan jawapan seperti berikut:

Usaha-usaha yang akan saya lakukan ialah menggantikan peralatan lama/menggunakan peralatan baru/moden/canggih, membuat/mengadakan/membina tempat yang sesuai/sempurna/selesa/kemas/berhawa dingin. Saya juga akan memohon/mendapatkan bantuan modal/pinjaman serta menghadiri/menyertai kursus/latihan/kemahiran. Saya akan mempelbagaikan/menawarkan pelbagai perkhidmatan sebagai tukang gunting. Selain itu saya akan bekerja dengan tekun dan menjaga imej diri.

Kelemahan dalam soalan 3d(iii), ialah calon memberi maksud *sifat* yang setara atau sama makna. Jawapan calon tidak tepat. **Contoh Kelemahan:**

- *Tekun, gigih, berdikari*
- *Merendah-rendah dirinya kerana pendapatan tidak cukup seharian*
- Jawapan calon boleh dikemukakan seperti berikut:

Sifat-sifat tukang gunting ialah sudah tua, beristeri, mempunyai empat orang anak, sudah berkeluarga, tekun/gigih/rajin/berdikari, bersemangat tinggi/tidak mudah putus asa, selalu mengenang masa lampau/nostalgik, prihatin/mengambil berat terhadap masa depan keluarganya dan sabar/tabah.

#### Soalan 4 (a) Novel

##### Kekuatan

Calon menguasai kesemua aspek asas dalam kajian novel. Penguasaan aspek asas ini membolehkan calon menjawab soalan berkaitan persoalan yang diberi dalam novel yang dikaji. Calon dapat mengemukakan bukti-bukti dan contoh daripada novel yang dikaji/dipelajari bagi menyokong persoalan yang dikemukakan. Jumlah bukti yang dikemukakan mencukupi dan lengkap seperti yang dikehendaki oleh peraturan pemarkahan. Penyampaian jawapan baik, bahasa yang digunakan lancar dan sempurna strukturnya. Jalan bahasa kemas, gramatis, menarik dan dengan ejaan yang betul. Idea dan bukti diolah dalam bentuk perenggan yang lengkap dan sempurna.

Walau bagaimanapun terdapat kelemahan jawapan calon yang menjawab soalan kegigihan watak tetapi tidak ada huraian. Calon memberi jawapan yang bukan bentuk kegigihan watak. Penerangan yang dipetik dalam novel tetapi bukannya mengenai kegigihan watak. Kegigihan watak tidak diperjelaskan dengan tepat. Calon memberi atau menyatakan fakta yang salah untuk menjawab soalan kegigihan watak. Calon menjawab soalan dengan membincangkan persoalan lain atau menambah persoalan lain pada akhir jawapan atau calon membincangkan watak atau perwatakan dalam jawapan itu. Calon menulis sinopsis novel yang melibatkan watak utama. **Contoh Kelemahan berdasarkan novel:**

*Dalam novel Terminal Tiga, Rimpa ialah seorang yang gigih belajar dan bersungguh-sungguh.*

- *Tuk Kura berusaha membawa cucu-cucunya mendaki bukit bukau untuk sampai ke tempat perlumbaan.*
- *Putera Gunung Tahan telah menyelamatkan Gunung Tahan daripada diancam oleh kapal terbang barat itu. Ini menunjukkan kegigihan Putera Gunung Tahan menyelamatkan Gunung Tahan.*
- *Julia juga gigih berusaha dengan bekerjasama dengan syarikat milik keluarga Jun bagi menjayakan program homestay di Felda Guar Napai dan akhirnya membawa Julia dan Jun ke jinjang pelamin serentak dengan majlis pelancaran homestay itu.*
- *Kegigihan penduduk kampung menyelamatkan diri dan melindungi diri dari peperangan yang berlaku.*
- *Hilmi dengan gigihnya telah merancang sebuah pertunjukan yang besar. Kegigihannya telah mengangkat dirinya sebagai seniman tanah air yang terkenal.*
- *Kegigihan Julia dalam menangani masalah orang-orang kampung yang tidak yakin dengan projek yang dijalankan oleh syarikatnya kerana usianya masih muda dan mentah.*

*Dalam novel Di Hadapan Pulau, calon menyatakan kegigihan Mak Cik Joyah untuk mencari makanan iaitu beras bagi menyara hidup abang Sudin sehingga melacurkan dirinya sendiri. Sepatutnya watak itu ialah watak Taksiah atau Rosiah.*

*Dalam novel Konserto Terakhir watak utama iaitu Hilmi seorang pemuda yang berasal dari kampung telah berhijrah ke kota untuk mencari kerja. Hilmi kemudiannya bekerja di rumah pak ciknya, sebagai tukang kebun .....sehingga Hilmi jatuh sakit dan dibawa ke hospital. Dia tidak dapat menyaksikan konsertnya dan akhirnya Hilmi meninggal dunia. Datuk tidak dapat berjumpa dengannya untuk memberi tahu yang Hilmi adalah anaknya.*

Untuk jawapan 4a calon boleh mengemukakan jawapan seperti berikut:

### **Novel Terminal Tiga**

Kegigihan Rimpa meneruskan cita-citanya walaupun menghadapi pelbagai rintangan untuk kejayaan masa depannya.

Rimpa sanggup meninggalkan Kota Kinabalu dan ibunya/keluarganya untuk melanjutkan pelajaran di Akademik Seni Kebangsaan di Kuala Lumpur.

Rimpa berusaha mendapatkan bantuan kewangan untuk membiayai pengajiannya daripada pelbagai institusi kewangan.

Rimpa mengorbankan masa cutinya untuk mencari ayahnya yang menghilangkan diri selama sepuluh tahun yang dikatakan berada di Nabawan.

Kegigihan Bang Maily berusaha meningkatkan kerjayanya. Bang Maily seorang pegawai kebudayaan yang gigih mengendalikan tiga buah bengkel yang berjalan serentak di tiga lokasi yang jaraknya dua belas kilometer setiap satu.

Kegigihan Bang Maily berusaha mendapatkan bantuan kewangan untuk Rimpa. Bang Maily berusaha mendapatkan bantuan kewangan daripada Kementerian Kebudayaan Negeri Sabah untuk Rimpa

Kegigihan ibu Rimpa meneruskan hidup dan menyara keluarganya. Ibu Rimpa berusaha bercucuk tanam menyara keluarganya walaupun telah ditinggalkan oleh suaminya sejak sepuluh tahun yang silam.

### **Novel Perlumbaan Kedua**

Kegigihan Tuk Kura untuk memenangi perlumbaan dengan Sang Arnab Putih dalam perlumbaan kedua. Tuk Kura tetap memasuki perlumbaan dengan Sang Arnab walaupun dipulau dan didera oleh kaumnya sendiri walaupun usianya telah menjangkau 199 tahun.

Tuk Kura mengenakan latihan keras kepada warga kura yang terpilih untuk persiapan perlumbaan. Tuk Kura tetap meneruskan perlumbaan walaupun badannya cedera didera oleh suku sakat kura-kura disuruh meniti batang tumbang dan batu hampar.

Kegigihan Sang Tedung menghasut dan menjadi pengintip untuk mendapat upah daripada bapa Sang Arnab. Sang Tedung sanggup menjadi pengintip aktiviti sang kura hanya untuk memperoleh upah beberapa biji telur. Sang Tedung berusaha menghasut suku sakat dan para pelatih Sang Kura supaya meninggalkan latihan dan Tuk Kura.

Kegigihan bapa Sang Arnab melakukan apa sahaja supaya Sang Arnab berjaya dalam perlumbaan tersebut. Bapa Sang Arnab sanggup mengupah Sang Tedung menjadi pengintip aktiviti sang Kura. Bapa Sang Arnab meminta kebenaran Sang Gajah untuk membersihkan kawasan perlumbaan. Bapa Sang Arnab sanggup mengarah anak-anaknya mencuri ubi kayu, keledak dan telur ayam di kampung-kampung sebagai upah kepada Tikus Tanah dan Tedung. Bapa Sang Arnab sanggup mengupah Tikus Tanah memotong lalang dan pokok renek di lereng bukit batu di lokasi perlumbaan.

Kegigihan Sang Murai menjadi penyampai berita atau pemberita/juru heboh. Sang Murai memberitahu Sang Gajah bahawa Sang Kancil telah mencabar Sang Arnab supaya berlumba dengan kura-kura. Sang Murai menghebahkan berita perlumbaan kedua antara arnab dengan kura-kura.

### **Di Hadapan Pulau**

Kegigihan Aziz melakukan apa sahaja kerja untuk menyara atau meneruskan hidupnya walaupun tanpa ibu bapa. Aziz membantu Syed Fikri bercucuk tanam untuk mendapat makanan walaupun usianya 13 tahun. Aziz sanggup pergi ke kubu lama tempat sojar Australia menyimpan makanan walaupun tempat itu berbahaya/tempat itu ditakuti dan dia nyaris ditembak. Aziz sanggup mengambil upah membeli todi untuk kaki botol di kampung itu.

Kegigihan Taksiah atau Rosiah yang terpaksa melakukan apa sahaja dan sanggup menggadai maruah untuk hidup. Mereka sanggup bekerja di kem sojar untuk mendapat makanan walaupun menjadi bahan umpatan orang kampung.

Kegigihan Syed Fikri menyara hidupnya dan membantu orang kampung yang menderita akibat perang. Syed Fikri membantu orang kampung yang sedang menderita akibat peperangan supaya mendekati diri kepada Tuhan dalam shelter. Syed Fitri membantu Aziz yang hidup menderita bersama mak ciknya (Joyah) dan pak ciknya (Budin) dengan memberinya makanan. Syed Fikri mengusahakan tanah di sekitar rumahnya untuk bercucuk tanam walaupun tanamannya sering dicuri orang. Syed Fikri ke hutan untuk mencari apa sahaja/hasil hutan yang boleh dimakan.

Kegigihan penduduk kampung meneruskan hidup dalam masa perang. Penduduk kampung membina shelter sebagai tempat berlindung apabila siren dibunyikan. Penduduk kampung sanggup bekerja di kem sojar untuk mencari nafkah.

### **Novel Bukit Kepong**

Kegigihan Othman Yusuf berusaha meninggikan taraf hidupnya di samping mempertahankan kampung/tanah airnya daripada serangan komunis. Othman pemuda kampung yang bekerja sebagai penoreh getah berusaha menjadi polis, selepas cedera berhenti daripada polis, dia mengusahakan kebun getahnya untuk menghabiskan sisa hidupnya. Othman walaupun sebelah kakinya kudung tetapi terus berusaha dengan mengerjakan kebun getah untuk menyara hidupnya.

Othman polis yang sanggup ditukarkan ke mana sahaja termasuk ke Bukit Kepong yang sedang menghadapi serangan komunis. Malah sanggup meninggalkan isterinya yang sarat mengandung.

Othman gigih menghadapi tekanan isterinya yang sakit jiwa kerana menderita akibat berita kematian Othman. Othman mengajar cara berkawad dan menggunakan senjata kepada pasukan 'home guard' Kulim. Kegigihan Penghulu Ali Mustapha yang melakukan apa sahaja kerana tidak sanggup melihat tanah airnya dijajah. Penghulu pergi ke pejabat

Pegawai Daerah Muar untuk meminta bantuan dengan menempatkan sepasukan pegawai polis di kampungnya (Bukit Kepong).

Penghulu sanggup mencabar komunis yang mahu mengembangkan ideologinya/pengaruhnya di Bukit Kepong. Penghulu mengumpulkan anak buahnya dan berdayah kepada mereka supaya tidak terpengaruh dengan komunis. Penghulu mengarahkan anak-anak buahnya menurunkan bendera komunis dan mengibarkan bendera Negeri Johor.

Kegigihan Penghulu Ali menubuhkan pengawal keselamatan yang dibekalkan senjata ringan. Penghulu Ali melatih penduduk kampung cara-cara mengawal kampung menggunakan senjata api, teknik bertahan dan menyerang musuh. Penghulu mengarahkan anak buahnya membunyikan keketuk tanda kecemasan apabila rumah pasung Bukit Kepong diserang.

Kegigihan Penghulu mengetuai pasukan penyiasat ke rumah pasung, apabila dihalang oleh komunis menyuruh anak-anak buahnya kembali ke kubu kampung. Penghulu Ali mengarahkan anak-anak buahnya memberi bantuan, melakukan kerja-kerja mencari, menyelamatkan, membina pondok pisang sesikat untuk meletakkan mangsa yang tercedera dan terbunuh. Penghulu terus berjuang walaupun anak-anak buahnya banyak terkorban.

Kegigihan Sarjan Jamil Mohd. Shah sanggup berkorban demi bangsa, agama dan negara serta gigih mempertahankan negara. Sarjan Jamil berjuang mempertahankan Bukit Kepong daripada ditawan komunis sehingga dia terkorban. Sarjan Jamil sanggup meninggalkan isterinya yang baru bersalin untuk mempertahankan negara.

### **Novel Konserto Terakhir**

Kegigihan Hilmi mencari pekerjaan untuk meninggikan taraf hidup diri dan keluarganya yang miskin. Hilmi sanggup berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan walaupun dia tidak berpendidikan tinggi. Hilmi sanggup menjadi tukang kebun dan menerima pelbagai cacian dan dilayan sebagai orang gaji di rumah Datuk Johari. Hilmi gigih menjaga dan merapi pokok bunga malah berkebun sayur walaupun menerima layanan buruk daripada Datin Salmah.

Kegigihan Hilmi mengembangkan bakat muziknya walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan. Hilmi sanggup belajar dan berlatih muzik dengan Encik Bakar setiap hari semasa keluarga Datuk Johari melancong ke luar negara, malah menimbulkan kemarahan kepada Datin. Hilmi sanggup meninggalkan rumah Datuk Johari dan bekerja di setesen minyak untuk menyara hidupnya dan belajar muzik di bandar. Hilmi sanggup berkahwin dengan Azizah anak Encik Bakar kerana terhutang budi kepada Encik Bakar yang mengajar Hilmi pelbagai jenis alat muzik dan membaca nota lagu. Hilmi berusaha menubuhkan kumpulan muzik "Kugiran Dahlia" yang diminati ramai. Hilmi berjaya mengekalkan kejuaraan pesta muzik RTM selama tiga tahun berturut-turut walaupun mengalami kegagalan rumahtangga dan kematian gurunya yang juga bapa mertuanya.

Kegigihan Encik Bakar melahirkan pemuzik yang serba boleh. Encik Bakar sanggup mengajar Hilmi yang hanya berkelulusan darjah 4 bermain alat muzik dan membaca nota tanpa bayaran. Encik Bakar sanggup menerima tindakan daripada Persatuan Pemain-pemain Muzik National kerana mengundang Hilmi yang bukan ahli persatuan menganggotai 'quartet', menggantikan pemain biola yang berpindah ke Pulau Pinang.

## **Novel Seteguh Karang**

Kegigihan Awanis mengharungi hidup sebagai seorang siswi yang menghadapi pelbagai cabaran. Awanis gigih meneruskan pengajian di ITM walaupun kedua ibu bapanya meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya seminggu sebelum Awanis mendaftar di ITM. Awanis sanggup meninggalkan keluarganya kerana menjalani praktikal di Terengganu.

Kegigihan Awanis menghadapi karenah orang-orang di sekelilingnya demi untuk menamatkan pengajian. Awanis gigih menghadapi karenah Kak May (Maysarah) yang pemurung dan hilang keyakinan diri semenjak kedua ibu bapanya meninggal dunia. Awanis gigih menyelesaikan masalah adik angkatnya Anita yang dihalau oleh Kak May dan ingin mencari ibu bapa kandungnya.

Kegigihan Awanis menjalani praktikal di Hulu Paka walaupun pelbagai halangan dilaluinya. Awanis gigih menyakinkan Encik Johari Penyelia Pertubuhan Peladang di kawasan itu yang tidak menerima pelajar perempuan menjalani praktikal. Awanis gigih menjalani praktikal di ladang kelapa sawit walaupun dia terpaksa menunggang motorsikal buat pertama kalinya. Awanis gigih mematuhi arahan penyeliannya yang mengarahkannya pergi ke ladang blok C untuk kerja memungut buah walaupun terpaksa menunggang motorsikal yang bermasalah.

Kegigihan Encik Johari melatih Awanis walaupun pada awalnya dia tidak yakin terhadap pelatih perempuan. Encik Johari walaupun prejudis terhadap pelatih perempuan tetapi menerima Awanis dan diperkenalkan dengan pekerja di situ/membawa Awanis melawat ladang. Encik Johari sanggup memboncengkan Awanis untuk melawat ladang semasa enjin motorsikal buruk tidak berfungsi. Encik Johari membawa Awanis ke pondok pekerja Indonesia dan diperkenalkan dengan Encik Basri iaitu pengurus ladang.

## **Novel Julia**

Kegigihan Datuk Abu Bakar Osman seorang ayah untuk mencari rezeki bagi menyara keluarganya dan memastikan keluarganya diberi pendidikan agama yang sewajarnya. Datuk Abu Bakar, korporat Melayu yang gigih memajukan bidang pelancongan di Malaysia. Iaitu syarikat BMPRO Holding Sdn. Bhd. Datuk menghantar Julia belajar agama di Hidayah Islamic College di Australia.

Kegigihan Julia mengurus syarikat peninggalan ibu bapanya walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Julia mengambil alih pengurusan syarikat BMPRO dan menghadapi tuntutan daripada Syed Mustafa yang menuntut hak ke atas Butik BMPRO Sdn. Bhd. Julia gigih menghadapi masalah aliran wang tunai syarikat BMPRO dan berjaya mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah untuk mencari jalan penyelesaian. Kegigihan Julia meluaskan dan mengembangkan syarikat. Julia berjaya menganjurkan program homestay di Daerah Kubang Pasu.

## **Novel Putera Gunung Tahan**

Kegigihan Tuan William dan Tuan Robert mencari tempat peranginan untuk mendapatkan hadiah lima ribu pound walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan. Mereka sanggup menghadapi cuaca yang buruk seperti hujan, banjir dan terpaksa tinggal di dalam gua. Mereka gigih meneruskan perjalanan walaupun penunjuk jalan mereka mati dipatuk ular tedung. Mereka meneruskan perjalanan walaupun mereka terpisah kerana Tuan Robert telah dilarikan sekumpulan saka.

Kegigihan Tuan William memujuk Ratu Bongsu menyerahkan puncak Gunung Tahan. Tuan William sanggup mencadangkan kepada kerajaan Inggeris membayar lima ribu ringgit setiap bulan selama hayat kepada Ratu Bongsu. Tuan William sanggup mencadangkan kepada kerajaan Inggeris mendirikan sebuah istana yang cantik untuk Ratu Bongsu. Kegigihan Tuan William menakluki Gunung Tahan walaupun menggunakan tipu helah. Tuan William berusaha memujuk Ratu Bongsu menyerahkan puncak Gunung Tahan kepada orang-orang barat. Tuan William membuat tipu helah memberitahu kerajaannya dengan menggunakan khidmat burung pesuruhjaya supaya menyerang Gunung Tahan. Tuan William meminta orang Inggeris menghantar dua buah kapal terbang yang membawa bedil dan alat letupan serta satu tan gas beracun.

Kegigihan Tuan Robert berusaha untuk melarikan diri daripada kumpulan Sakai untuk terus hidup meneruskan cita-citanya. Tuan Robert terpaksa menerima perlantikan sebagai 'Batin Putih' walaupun dia tidak begitu gembira. Tuan Robert berbaik-baik dengan perempuan tua supaya dapat melarikan diri daripada kumpulan sakai.

Kegigihan Tuan Robert memujuk perempuan tua menjual kulit harimau putih serta gigi dan taringnya. Tuan Robert sanggup menolong perempuan tua menjual kulit harimau putih kepada saudagar orang putih untuk mendapat wang banyak dan hidup senang.

Kegigihan perempuan tua meneruskan hidup sehingga lari ke dalam hutan kerana tidak mahu dijajah Inggeris. Perempuan tua sanggup melahirkan anak di dalam hutan tanpa ditemani oleh sesiapa. Perempuan tua sanggup hidup bersama-sama kumpulan sakai berpindah-randah di dalam hutan.

Kegigihan perempuan tua menentang penjajahan Inggeris walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan. Perempuan tua sanggup meninggalkan pangkat serta kedudukan demi bangsa, agama dan negara. Beliau menjadi pengikut Datuk Bahaman menentang Inggeris sehingga suaminya terkorban. Beliau sanggup berpindah-randah bersama kumpulan Sakai untuk terus berjuang.

#### **Soalan 4 (b) Novel**

Calon menguasai kesemua aspek asas dalam kajian novel. Penguasaan aspek asas ini membolehkan calon menjawab soalan berkaitan perwatakan watak utama yang diberi dalam novel yang dikaji. Calon dapat mengemukakan bukti-bukti dan contoh daripada novel yang dikaji/dipelajari bagi menyokong perwatakan/sifat yang dikemukakan. Jumlah perwatakan/sifat dan huraian yang dikemukakan mencukupi dan lengkap seperti yang dikehendaki oleh skema. Penyampaian jawapan adalah baik, bahasa yang digunakan lancar dan strukturnya sempurna. Jalan bahasa kemas, gramatis, menarik dan dengan ejaan yang betul. Perwatakan/sifat dan huraianya diolah dalam bentuk perenggan yang lengkap dan sempurna.

Antara kelemahan calon yang dikesan adalah tidak memahami maksud soalan, menjawab dalam bentuk nota ringkas, membuat sinopsis dan mencampuraduk dengan watak, menjawab huraian sahaja tanpa pernyataan, menjawab pernyataan sahaja tanpa huraian dalam bentuk catatan ringkas, calon mengasingkan pernyataan dengan huraian, tidak menjelaskan nama watak utama dan novel yang dikaji dan tidak dapat membezakan watak utama dengan watak sampingan. **Contoh Kelemahan berdasarkan novel :**

*Watak utama dalam novel ialah Rimpa seorang pemuda yang berjaya melanjutkan pelajaran.*

- *Keras hati.*
- *Tabah.*
- *Berani.*

*Watak utama Tuk Kura yang berusia 199 tahun.*

- *Bijak.*
- *Merendah diri*
- *Berani*
- *Gigih.*
- *Rajin.*
- *Berfalsafah.*

*Sang Arnab Putih – Seekor arnab yang bangga diri kerana ketangkasnya. Ini ditunjukkan pada permulaan cerita Sang Arnab berhamburan ke sana ke sini.*

*Watak utama penting dalam sebuah novel. Watak utama ialah seorang yang gigih menyara hidupnya semasa perang. Pergi ke hutan mencari makanan, berani menjual todi dan pergi ke kubu lama iaitu tempat yang paling bahaya.*

*Kesemua watak dalam Di Hadapan Pulau adalah watak penting kerana mereka menghadapi masalah kesempitan hidup semasa perang. Aziz, Syed Fikri dan Afidah gigih bercucuk tanam untuk menyara hidup. Orang kampung beramai-ramai membuat shelter untuk tempat sembunyi.*

*Watak utama dalam novel Bukit Kepong ialah Penghulu Ali seorang yang berani membantu anggota polis dalam menentang komunis. Othman Yusof yang berjiwa patriotik sanggup menggadaikan nyawa demi cinta terhadap negara. Sarjan Jamil bertanggungjawab mempertahankan Bukit Kepong daripada ditawan komunis hingga dia terkorban.*

*Datin Salmah tidak menyukai Hilmi kerana dia orang kampung. Namun begitu Hilmi seorang yang gigih, berhati mulia, patuh pada ajaran agama, tekun dan penyabar dan akhirnya Hilmi meninggal dunia.*

*Pemuda setelah mendapat kejayaan yang keji. Hilmi pandai bermain piano. Dia telah belajar dengan seorang guru muzik yang baik. Hilmi masih mengingatkan tentang piano saja. Datin Salmah telah meninggal dunia. Dan Hilmi yang menjaga kerja yang suruh Datin Salmah telah diambil oleh Hilmi telah mengeluarkan beberapa orang untuk mengajar piano. Tiba-tiba Hilmi jatuh sakit tidak pergi kerja. Dah beberapa tahun Hilmi pun meninggal dunia.*

*Watak Awanis yang gigih bersimpati dengan Kak Nor yang sentiasa sibuk mengurus keluarga dan kerja-kerja pejabat*

*Watak utama Awanis menghadapi masalah/konflik kekeluargaan yang menjadikannya bertambah gigih, tabah dan cekal hati.*

*Seorang wanita dihantar oleh ibunya ke Perth Australia untuk belajar ilmu agama. Beliau seorang wanita yang bijak dan pandai. Julia anak sulung keluarganya. Julia berjaya menyelamatkan syarikat ayahnya.*

*Watak utama dalam novel Julia ialah seorang gadis yang pada asalnya agak liar. Kemudian kedua ibu bapanya menghantar Julia ke Australia Islamic College agar dia dapat melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu. Tidak lama kemudian Julia disuruh pulang ke tanah air kerana kedua ibu bapanya meninggal dunia. Kehidupan Julia mulai berubah dari semasa ke semasa sehingga dia terpaksa menggantikan tugas ayahnya. Julia berjaya mengatasi pelbagai masalah yang tiba dengan tabah dan berjaya melaksanakan pelbagai projek. Julia akhirnya berkahwin dengan lelaki pilihannya.*

*Watak utama dalam novel "Putera Gunung Tahan" ialah Ratu Bongsu. Dia dilahirkan dalam hutan di atas puncak Gunung Tahan Ratu Bongsu sanggup memperjuangkan nyawanya demi mempertahankan tanah airnya yang tercinta daripada jatuh ke tangan Inggeris. Akhirnya Ratu Bongsu berjaya mempertahankan Puncak Gunung Tahan.*

*Watak Putera Gunung Tahan ialah Ratu Bongsu yang dilahirkan di dalam hutan dan menjadi raja sakai. Seorang yang bijak kerana tidak menyerahkan Gunung Tahan kepada Inggeris. Beliau tidak mementingkan diri sendiri kerana berhujah dengan Tuan William dengan mengatakan penjajah Inggeris banyak membawa keburukan.*

Calon-calon boleh mengemukakan jawapan seperti berikut berdasarkan novel:

#### **i. Terminal Tiga**

##### **Watak Rimpa**

**Yakin dan berani** - sehingga berjaya melanjutkan pelajaran di Akademi Seni Kebangsaan.

**Tabah** – walaupun menghadapi masalah kewangan, cita-citanya tidak pernah luntur.

**Keras hati** – ibu dan jirannya cuba menghalang hasratnya, untuk (melanjutkan pelajaran) namun tidak dipedulikannya.

**Bertanggungjawab** - ke atas diri dan keluarga – sanggup menimba ilmu untuk mengubah taraf hidup keluarganya. Sanggup mencari ayahnya yang hilang lebih sepuluh tahun.

**Taat kepada Tuhan** - tidak pernah meninggalkan solat walau di mana berada

**Mudah terpedaya** - menerima minuman yang memabukkan daripada rakannya sewaktu berada di Ranau walaupun dia memang tahu apa sebenarnya minuman itu.

#### **ii. Novel Perlumbaan Kedua**

##### **Watak Tuk Kura**

##### **Fizikal**

- Tua
- Berusia 199 tahun
- Cengkerangnya keras
- Badan Tuk Kura besar melebihi kura-kura yang lain.
- Tuk Kura menjadi ketua kumpulan kura-kura lain.

### **Sifat/Perwatakan**

**Tegas** – tidak mudah percaya kepada kata-kata kawan mahu pun lawan/Tuk Kura berlatih meniti batang dan batu hampar yang licin walaupun dilarang oleh suku-sakatnya. Tuk Kura tetap melaksnakannya dan beroleh kejayaan.

**Merendah diri** – menyambut seruan arnab agar tidak berasa hampa

**Bijak** – menggunakan akal untuk memenangi perlumbaan.

**Sabar** – terutama dalam setiap pendakian tanah tinggi

**Sensitif** – tidak boleh dicabar, terus menyambut cabaran untuk berlumba.

**Berfikiran tajam dan matang** - Tuk Kura memilih tempat perlumbaan di lereng bukit supaya dia boleh menang/bijak mengatur strategik.

**Berhati-hati dalam tindakannya** Tuk Kura tidak terus mempercayai kata-kata Sang Kancil kerana Sang Kancil terkenal oleh tipu muslihatnya.

**Berani** - Tuk Kura berani menyahut cabaran Sang Arnab supaya berlumba sedangkan umurnya sudah lebih kurang 199 tahun.

**Gigih dan rajin berusaha** - Tuk Kura berlatih sungguh-sungguh sebelum berlumba dengan Sang Arnab.

**Mudah kecewa dan marah** - Tuk Kura berasa kecewa akan sikap sebahagian besar daripada suku-sakatnya yang mengecam tindakannya mengajar anak-anak mereka berlatih meniti kayu yang licin seperti mendera mereka.

### **iii. Novel Di Hadapan Pulau**

#### **Watak Aziz**

##### **Fizikal**

- Aziz berusia antara 12-13 tahun
- Bermata juling-juling air,
- Berambut mengembang.

##### **Sifat/Perwatakan**

**Menghormati orang tua** - Aziz mencium tangan Syed Fikri sebaik sahaja berjumpa dengan Syed Fikri yang singgah di kedai kecil tepi titian. Menghormati Budin walaupun Budin tidak bertanggungjawab terhadap mak ciknya dan dirinya.

**Rajin** – membantu Syed Fikri di kebun sayur. Aziz mengajak Afidah berkebun sayur dan mencari makanan di hutan semasa terdesak

**Penyayang** - Aziz memicit Syed Fikri yang sakit-sakit badan.

**Simpati** - Selalu membantu Afidah mencari makanan bila Afidah lapar dan selalu menenangkan Afidah.

**Patuh** – Aziz mengikut sahaja kata mak ciknya(Joyah) supaya hormat orang tua/mengikut nasihat mak ciknya jangan bersikap seperti Budin.

**Gigih** - Aziz membantu Syed Fikri berkebun sayur untuk menyara hidup ketika perang. Aziz mengambil upah membeli todi bersama Afidah untuk kaki botol di kampung itu.

**Penyimpan rahsia** – Aziz tidak menghebohkan rahsia Rosiah yang mempunyai hubungan sulit dengan seorang lelaki ketika terserempak di belakang busut di kubu lama.

**Berani** – Aziz berani mencari makanan di tempat bahaya iaitu di kubu lama tempat yang jarang dijengah manusia. Aziz ingin sangat ke pulau walaupun pulau itu berhantu.

**Tabah** – Walaupun ayahnya meninggal dunia, dia hidup menumpang di rumah mak cik Joyah walaupun pak ciknya tidak bertanggungjawab, namun dia tabah meneruskan hidupnya.

#### iv. Novel Bukit Kepong

##### Watak Othman Yusof

##### Fizikal

- Gempal
- Tinggi sederhana
- Berkulit cerah
- Kaki kiri dipotong akibat pertempuran dengan komunis

##### Sifat/Perwatakan

**Patriotik** - Cinta terhadap negara menebal-sanggup menggadaikan nyawa.

**Bertanggungjawab** - ambil berat keadaan isteri yang sakit, keluarga, bangsa dan agama, sanggup jadi polis jaga keamanan, sanggup ditukarkan ke Bukit Kepong

**Penyayang** – selalu utus surat kepada isterinya di kampung.

**Berpendirian tegas** – Berkeras menjadi polis walaupun emaknya membantah.

**Cekal** – Menjalani latihan polis yang berat.

**Patuh dan taat kepada tugas** – Apabila diarah bertukar ke Pagoh dan Bukit Kepong Othman tidak membantah.

**Seorang yang berani** – Sanggup berdepan dengan penganas komunis yang ramai.

## v. Novel Konserto Terakhir

### Watak Hilmi

#### Fizikal

- Anak mata liar
- Rambut sedikit ikal
- Umur 19 tahun
- Tinggi 5' 5"

#### Sifat/Perwatakan

**Baik hati** – tidak pernah membantah cakap Datin Salmah walaupun selalu memarahinya

**Gigih/tabah** - menghadapi cacian dan makian Datin Salmah

**Berhati mulia** – tetap menghormati Datin Salmah dan Datok Johari

**Yakin diri** – walaupun tiada kelulusan tinggi, tiada asas muzik, tetapi dapat memajukan diri sendiri.

**Patuh ajaran agama** – tetap bersembahyang walaupun banyak kerja dan berada di rumah yang orang di sekelilingnya tidak bersembahyang.

**Kasih** – mengasihi Hayati dan diluahkan di dalam lagu gubahannya. Tetap sayang kepada bekas isterinya Azizah dan anaknya walaupun telah berpisah.

## vi. Seteguh Karang

### Watak Awanis

#### Fizikal

- Berusia lingkungan dua puluhan
- Berkulit gelap

#### Sifat/Perwatakan

**Bertanggungjawab terhadap tugas-tugas** – sanggup dihantar ke mana sahaja untuk menjalani praktikal demi memenuhi keperluan pengajiannya.

**Penyayang** – sangat menyayangi keluarga.

**Berdikari** – banyak perkara yang dilakukannya sendiri seperti melapor diri di ITM seorang diri.

**Tegas dan Keras Hati** - Awanis sanggup menerima cabaran Encik Johari semasa menjalani praktikal walaupun cabaran itu mempunyai risiko yang tinggi.

**Bersimpati** – Awanis bersimpati dengan Kak Nor yang sentiasa sibuk mengurus rumahtangga dan kerja-kerja pejabat.

**Patuh Kepada arahan** – Awanis patuh kepada arahan penyeliannya Encik Johari walaupun arahan itu bertentangan dengan kehendaknya.

**Tabah dan Cekal Hati** – Walaupun gagal dalam SPM kali pertama Awanis masih sanggup untuk mengambil SPM kali kedua.

#### vii. Novel Julia

##### Watak Julia

##### Sifat/Pewatakan

**Insaf** – Julia sedar akan kesilapannya dan berusaha kembali ke pangkal jalan.

**Patuh Kepada Orang tua** – Julia patuh kepada arahan ibu bapanya untuk belajar agama di Perth Australia.

**Penyayang** – Julia sangat menyayangi adik-adiknya, Adi, Fatim dan Sufi.

**Bertanggungjawab** – Julia sanggup menjaga dan membesarkan adik-adiknya selepas kematian kedua-dua ibu bapanya.

**Tabah atau Cekal** – Julia tabah menghadapi pelbagai rintangan terutama di dalam pengurusan Syarikat BMPRO peninggalan bapanya.

**Berani** – Julia berani berhujjah dengan Encik Baharom dan Syed Mustafa dalam soal pengurusan syarikat walaupun mereka lebih berpengalaman daripada Julia.

**Bijaksana** – Julia dapat menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikatnya.

**Pemaaf** – Julia tidak berdendam terhadap Encik Baharom yang merancang hendak menjual syarikat BMPRO tetapi sebaliknya Julia memaafkan Encik Baharom.

**Gigih Berusaha** – Julia gigih memulihkan pengurusan Syarikat BMPRO yang mengalami kemerosotan.

#### viii. Putera Gunung Tahan

##### Watak Ratu Bongsu

##### Fizikal

- Kacak

##### Sifat/Perwatakan

**Bijak** – mampu memerangkap Tuan William sehingga mati.

**Baik Hati** – membantu Tuan William mendapatkan teropong terus, beringin bercakap dan burung persuruh jaya. Menyelamatkan Mem William ketika kapal terbang terhempas dan dibuatkannya rumah serta taman untuk Mem William

**Berani** – berani berhujjah dengan Tuan William dengan mengatakan penjajahan Inggeris banyak membawa keburukan

**Cinta akan tanah air** – sedaya upaya mempertahankan Gunung Tahan daripada terjatuh ke tangan Inggeris

**Tegas** – tidak menyerahkan Gunung Tahan kepada Inggeris walaupun ditawarkan dengan ganjaran yang lumayan

**Bertanggungjawab** – mengarahkan penduduk Gunung Tahan bersembunyi ketika diserang.

**Tidak mementingkan diri** – enggan menerima gaji lumayan dan sebuah istana yang dijanjikan Tuan William jika menyerahkan Gunung Tahan.

### **SARANAN KEPADA CALON**

1. Banyakkan latihan
2. Menguasai teknik menjawab soalan
3. Luaskan pembacaan untuk kemahiran KBKK
4. Peka dengan isu-isu semasa
5. Menggunakan perkataan/ayat sendiri semasa menjawab soalan kefahaman.
6. Jumlah markah yang diperuntukkan pada setiap soalan perlu dijadikan panduan sebelum memberi jawapan.
7. Memahami dengan jelas setiap arahan soalan.
8. Menguasai perbendaharaan kata dan tatabahasa
9. Memahami konsep tersirat dalam semua soalan.
10. Menguasai sistem ejaan dengan baik.
11. Sentiasa merujuk Kamus Dewan
12. Semua Teks Komponen Sastera mesti dibaca sepenuhnya.

### **SARANAN KEPADA GURU**

1. Gunakan bahan pengajaran yang boleh menjana minda pelajar terutamanya penggunaan akhbar dan majalah.
2. Sentiasa mengemaskini pengetahuan dan kemahiran sendiri.
3. Menguasai format dan peraturan pemarkahan terkini. Aplikasikan
4. Banyakkan latihan untuk memberi bimbingan lanjutan berdasarkan KBKK
5. Sentiasa menggunakan kamus dalam pengajaran
6. Sentiasa merujuk Tatabahasa Dewan
7. Perlu dimasukkan kaitan sastera yang meliputi kefahaman watak, perwatakan, persoalan dan sebagainya.

8. Soalan-soalan yang berbentuk kemahiran berfikir perlu diperbanyakkan supaya pelajar-pelajar dapat memberi pendapat yang bernas
9. Kepelbagaian kaedah dan teknik pengajaran
10. Membentuk soalan peperiksaan dalaman yang lebih banyak kepada KBKK
11. Sentiasa mengikuti perkembangan bahasa terkini
12. Sentiasa mengikuti isu-isu semasa untuk merangsang percambahan fikiran dan idea
13. Menguasai sepenuhnya semua aspek dalam komponen sastera
14. Menggunakan peralatan Teknologi Maklumat dalam pengajaran
15. Memanfaatkan Laporan Prestasi Calon daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia setiap tahun.
16. Mengadakan "Benchmarking" dengan Guru Cemerlang Bahasa Melayu daerah masing-masing.